

## Silat rangkul tiga anugerah



**JURULATIH TERBAIK:** Skuad silat negara pulang dengan membolot tiga anugerah, termasuk anugerah Jurulatih Terbaik yang dimenangi Sheik Alau'ddin (kini) bergambar bersama Speaker Parlimen, Encik Tan Chuan Jin. - Foto-foto BH oleh KONG CHONG YEW



**ATLIT-PELAJAR LELAKI TERBAIK:** Setelah kecemerlangannya di pentas pencak silat di mana beliau juga digelar juara dunia, Hazim kini boleh menambah anugerah Atlit-Pelajar Lelaki Terbaik sebagai pencapaian terbesarnya.

SKUAD silat Singapura pulang dari Majlis Anugerah Sukan Singapura malam kelmarin dengan senyuman besar terukir di bibir.

Di majlis yang meraikan bakat-bakat terbaik sukan Singapura, menyaksikan pasukan silat negara menjadi pemenang terbesar pada malam itu setelah berjaya membolot tiga anugerah.

Sheik Alau'ddin Yaacob Marican dinobatkan sebagai Jurulatih Terbaik, manakala juara dunia dalam kategori tanding Kelas B (50-55kg), Muhammad Hazim Mohd Yusli pula meraih anugerah Atlit-Pelajar Lelaki Terbaik.

Pasangan Nur Azlyana Ismail dan Nurhanishah Shahrudin yang menjadi juara dunia bagi acara Seni Ganda Puteri di Kejujutan Pencak Silat Dunia melengkapkan malam penuh gemilang skuad silat negara

dengan memenangi Pasukan Terbaik bagi kategori Acara.

Mengulas tentang kemenangannya itu, Hazim, 17 tahun, bersyukur malah berkata beliau tidak menjangkakan akan diiktiraf dengan anugerah tersebut.

Beliau berkata: "Saya rasa terharu kerana saya tidak mengharapkannya. Saya sangat gembira tetapi dalam masa yang sama masih tidak dapat percayakannya.

"Anugerah ini akan memberi saya rangsangan untuk berlatih dengan gigit lagi. Selain itu ia juga memberi saya peluang untuk membeli lebih banyak peralatan yang dapat membantu saya dalam latihan."

Hazim yang juga pernah menjulang gelaran juara dunia junior, menewaskan atlit kapal layar, Daniel Hung dan wushu, Malcolm Lai.

Dalam pada itu, ketua silat Singapura, Sheik Alau'ddin yang memenangi anugerah itu buat kali keempat (termasuk 2000, 2002 dan 2003), memuji atlitnya sambil berharap tiga anugerah itu akan menggalak lebih ramai orang untuk menyertai silat.

"Saya perlu memberi pujian kepada mereka atas segala kerja keras yang telah dilakukan. Ini juga akan memberi mereka semangat untuk teruskan usaha mereka mencapai tahap terbaik.

"Dalam masa yang sama saya rasa sedikit terkilan kerana saya merasakan kami juga mampu meraih lebih banyak anugerah itu, terutama dalam kategori utama.

"Nurzuhairah Mohd Yazid yang dicalonkan dalam kategori Olahragawati Negara atas pencapaiannya memenangi emas dalam beberapa kejohanan utama.

"Walau apapun, kami akan terus berusaha untuk memberikan yang terbaik dan sentiasa mencatatkan matlamat untuk menyumbang kepada sukan Singapura dan mengharumkan nama negara.

"Selain itu, saya juga berharap pencapaian ini dapat menjadi pencetus bagi anak-anak muda lain berkecimpung dalam sukan ini," ujarnya.

## Schooling, Veloso rangkul anugerah Olahragawan, Olahragawati Negara

SEPERTI pencapaian beliau dalam mencipta sejarah di Rio 2016, jaguh renang Olimpik negara, Joseph Schooling mencatat satu lagi sejarah baru dalam arena sukan Singapura.

Atlit berusia 23 tahun itu berjaya membawa pulang anugerah Olahragawan Negara buat rekod kali keenam tahun ini di Majlis Anugerah Sukan Singapura yang diadakan di Orchard Hotel malam kelmarin.

Schooling pernah merangkul anugerah tersebut pada 2012 sebelum memenanginya lima kali berturut-turut dari 2014 hingga 2019.

Beliau menyertai srikandi tenis meja, Li Jiawei, dan perenang Patricia Chan sebagai atlit yang pernah memenangi anugerah terbaik dalam Anugerah Sukan Singapura sebanyak lima kali berturut-turut.

Li membolot gelaran Olahragawati Negara antara 2002 dengan 2005, manakala Chan dinobatkan atlit wanita terbaik negara dari 1968 hingga 1972.

Schooling, juara bertahan kuak kupu-kupu Olimpik 100 meter yang memenangi acara 50 meter dan 100 meter kuak kupu-kupu lelaki dalam Sukan Asia di Indonesia tahun lalu itu dicalonkan bersama atlit tenis meja negara yang kini sudah bersara, Gao Ning, dan juara dunia silat, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin.

Gao, 36 tahun, menjuarai acara perseorangan lelaki dan beregu campuran dalam Sukan Komanwel Gold Coast tahun lalu dan kini menjadi jurulatih kebangsaan bagi pasukan lelaki.

Sementara itu, Sheik Farhan merupakan antara tujuh pesilat Singapura yang merangkul pingat emas dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-18 di sini tahun lalu.

Mengulas tentang pencapaiannya itu Schooling berkata:

"Sejujurnya, ia rasa sangat hebat setiap tahun. Gao Ning dan Farhan adalah atlit yang handal dan anda tidak tahu apa yang boleh berlaku dalam senario sebegini.

"Saya hanya dapat menundukkan kepala saya dengan harapan nama saya diumumkan. Saya sangat gembira dan teruja apabila mendengar nama saya.

"Kemenangan ini akan menjadi pemangkin untuk saya bekerja lebih keras."

Sementara Schooling meraih kemenangan keenamnya itu, penembak negara, Martina Lindsay Veloso, meraikan kemenangan pertamanya sebagai Olahragawati Negara.



**CIPTA SEJARAH:** Schooling (kanan) bawa pulang anugerah Olahragawan Negara buat rekod kali keenam tahun ini sementara penembak negara, Martina Lindsay Veloso, meraikan kemenangan pertamanya sebagai Olahragawati Negara. - Foto BH oleh KONG CHONG YEW

Atlit berusia 19 tahun itu merangkul dua pingat emas di Sukan Komanwel dalam acara 10 meter rifle wanita dan 50 meter rifle 'prone'.

Beliau menewaskan Roanne Ho (renang) Nurzuhairah Mohd Yazid (silat) dan Vera Tan (wushu) untuk anugerah itu.

Veloso, yang merupakan Atlit-Pelajar Perempuan Terbaik pada 2015, berkata bahawa beliau merasakan atlit lain yang dicalonkan bersamanya adalah setaraf dengannya.

"Jantung saya berdebar dengan laju (ketika pengumuman dibuat) kerana sebelum itu saya juga dicalonkan dalam kategori Atlit-Pelajar Berpasukan Perempuan Terbaik (dengan Ho Xiu Yi dan Adele Tan) namun tidak menang.

"Sehingga kini saya masih tidak dapat percaya (diberi anugerah tersebut). Ia sungguh seronok dan menggembirakan."

Dalam ucapannya, Speaker Parlimen,

Encik Tan Chuan Jin, yang hadir di acara tersebut selaku tetamu terhormat, mengambill kesempatan untuk memuji bakat-bakat sukan Singapura yang terbaik, terutama atlit muda.

Beliau berkata: "Atlit muda kita dalam kategori Atlit-Pelajar Lelaki dan Perempuan Terbaik semuanya sungguh hebat - enam finalis dalam kategori Atlit-Pelajar Perempuan yang pencapaian mereka merangkumi pelbagai piala dunia, gelaran juara dunia junior, dan tiga pingat Sukan Asia.

"Tiga calon bagi kategori Atlit-Pelajar Lelaki Terbaik juga sekurangnya pernah memenangi gelaran juara dunia.

"Mereka semua telah memainkan peranan dalam membuka jalan bagi pencapaian yang lebih penting dalam kecemerlangan sukan Singapura.

"Masa depan arena sukan kita terletak di tangan atlit muda dan menjanjikan masa depan yang sangat menarik."